

Kerap banjir kilat punca terjadi mendapan

# DBKL pantau struktur tanah

Oleh AZLAN ZAMBRY  
azlanwilayahku@gmail.com

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan menjalankan peman-tauan terhadap struktur tanah di semua kawasan yang kerap dilanda banjir kilat seluruh ibu negara bagi mengawal insiden mendapan tanah berlaku.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan** berkata, terdapat beberapa kawasan yang sudah dilaksana kerja pembaikan serta menelan belanja yang tinggi namun dikesan masih mengalami mendapan.

“Kita tengok macam tanah-tanah yang ada tebing, pergerakan tanah di tebing kita akan periksa. Kadang-kadang kita sudah masuk periksa, tapi bila dia nak runtuh juga macam di Sungai Gombak walaupun kita baiki beribu ringgit.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media ketika meninjau kejadian tanah mendap di Jalan Taman U Thant pada Isnin.

Nor Hisham berkata, faktor hujan lebat dan taburan hujan di Kuala Lumpur turut menjadi punca banyak kawasan dinaiki air.

“Sebelum ini, kadar taburan hujan di Kuala Lumpur adalah kira-kira 50 mm dan kini ia mencecah di-antara 70 hingga 80 mm seterusnya menjadi faktor utama yang menyebabkan banjir kilat berlaku,” katanya.

Nor Hisham memberitahu bahawa DBKL telah mengambil langkah segera bagi memperbaiki semula insiden mendapan tanah di kawasan berkenaan termasuk menempatkan kaki-tangannya 24 jam di lokasi ini sebagai langkah pencegahan.

“Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS),



**DBKL dan agensi yang terlibat melakukan tinjauan ke kawasan mendapan di Jalan U Thant baru-baru ini.**

jurutera dan Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) sudah menjalankan pemantauan di kawasan ini bagi menentukan langkah segera diambil.

“Setakat ini tiada gangguan bekalan air di kawasan ini. Pengosongan (kediaman) juga belum lagi, kita akan tunggu

maklum balas dari IKRAM.

“Kalau ada (keperluan mengosongkan kediaman), dia (IKRAM) akan maklum pada kami dan kita ambil tindakan susulan,” katanya.

Nor Hisham memberitahu, untuk pembaikan jangka panjang, kawasan mendapan

ini akan diselenggara dan kerja-kerja pembinaan semula akan dilaksana segera, dijangka siap dalam tempoh sebulan atau dua bulan.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif IKRAM, **Datuk Mohd Taufik Haron** berkata, bermula pada hari ini (Isnin) pihaknya akan mengawasi pergerakan tanah di kawasan yang berhampiran.

“Sekiranya tanah bergerak tetapi bangunan tidak bergerak, ia boleh mengakibatkan kejadian yang buruk di kawasan itu.

“Kita akan mengenal pasti kawasan yang berhampiran dan berpotensi untuk berlaku mendapan dan ia satu perkara yang perlu diberi perhatian.

“Proses segera yang diambil pihak teknikal dan kontraktor adalah mengalihkan sisa retakan dan kerosakan terlebih dahulu dan menjalankan kerja pemulihan sementara,” katanya sambil memaklumkan keutamaan ketika ini ada keselamatan penduduk di kawasan sekitar. **W K**